

05/09/2001

Minardi undang PM

Haryani Ngah

PEMILIK pasukan Formula Satu European Minardi, Paul Stoddart mengundang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyaksikan Alex Yoong beraksi dalam perlumbaan Grand Prix Itali di Litar Monza pada 16 September ini.

Undangan Stoddart itu disampaikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammudin Hussein kepada Dr Mahathir selepas kembali dari Itali, baru-baru ini.

Pemilik pasukan Minardi itu menyampaikan undangan berkenaan kepada Hishammuddin ketika beliau ke Itali bagi menyaksikan Alex menjalani ujian buat kali ketiga di Litar Mugello bulan lalu.

"Stoddart akan datang untuk menyaksikan majlis perasmian Sukan Sea dan akan menyampaikan undangan itu secara peribadi kepada Perdana Menteri.

"Selain menjadi tetamu atas undangan saya bagi menonton perasmian Sukan Sea itu dan menjemput Perdana Menteri, tujuannya ke Malaysia adalah untuk mempromosikan pasukan Minardi," katanya, semalam.

(END)